

## Komponen Kecintaan dalam Pembinaan Negara Bangsa Berteraskan Pendidikan Karakter Melalui Pendidikan Sejarah di Malaysia

*(The Component of Love for The Country in Nation Building Based on Character Education Through History Education in Malaysia)*

Zanariah Hamid<sup>1\*</sup>, Shapiza Sharif<sup>2</sup>, Nirwana Mohd Rashid<sup>3</sup>  
Siti Aidah Lukin@Lokin<sup>4</sup>, Abang Mohd Razif Abang Muis<sup>5</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Pengajian Melayu, Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu, 59990 Lembah Pantai, Kuala Lumpur, Malaysia.

Email: zanariah.hamid@ipgkmb.edu.my

<sup>2</sup>Jabatan Sains Kemanusiaan, Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu, 59990 Lembah Pantai, Kuala Lumpur, Malaysia.

Email: shapizasharif@ipgkmb.edu.my

<sup>3</sup>Pejabat Timbalan Pengarah, Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu, 59990 Lembah Pantai, Kuala Lumpur, Malaysia.

Email: nirwana@ipgkmb.edu.my

<sup>4</sup>Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Beg Berkunci 2073, 88999 Kota Kinabalu, Malaysia.

Email: sitiaida@ums.edu.my

<sup>5</sup>Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Beg Berkunci 2073, 88999 Kota Kinabalu, Malaysia.

Email: amrazif@ums.edu.my

### CORRESPONDING

#### AUTHOR (\*):

Zanariah Hamid

(zanariah.hamid@ipgkmb.edu.my)

### KATA KUNCI:

Negara bangsa

Pendidikan karakter

Pendidikan sejarah

Komponen kecintaan

Pendekatan Fuzzy Delphi

(FDM)

### KEYWORDS:

Nation state

Character education

History education

Component of love for the country

Fuzzy Delphi Method (FDM)

### CITATION:

Zanariah Hamid et al. (2024). Komponen

### ABSTRAK

Pendidikan sejarah dan pendidikan karakter saling berkaitan dalam usaha membentuk individu yang bersemangat patriotisme dan berakhlak mulia. Pendidikan sejarah menyediakan konteks untuk memahami nilai-nilai seperti keberanian, keadilan, dan tanggungjawab, manakala pendidikan karakter mengukuhkan nilai-nilai ini melalui penghayatan dan amalan harian. Kajian ini bertujuan mendapatkan pandangan, cadangan dan kesepakatan pakar terhadap keperluan komponen kecintaan dalam pembinaan negara bangsa berteraskan pendidikan karakter melalui pendidikan sejarah di Malaysia menggunakan pendekatan Fuzzy Delphi (FDM). Pelaksanaan kajian ini melibatkan 13 orang pakar dalam bidang pendidikan sejarah. Kesemua pakar dikehendaki untuk menjawab soal selidik kajian berkenaan komponen kecintaan. Maklumat yang diperolehi dianalisis menggunakan penomboran segi tiga Fuzzy (*Triangular Fuzzy Numbers*) dan turutan (ranking) setiap item atau elemen kecintaan diperolehi menerusi *Defuzzification Process*. Analisis kaedah Fuzzy Delphi menunjukkan maklum balas kumpulan pakar terhadap komponen kecintaan berada pada tahap yang baik, iaitu dengan peratus kesepakatan bermula daripada 70% sehingga 90%. Dapatan kajian mendapati semua lapan item

Kecintaan dalam Pembinaan Negara Bangsa Berteraskan Pendidikan Karakter Melalui Pendidikan Sejarah di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(8), e002956.  
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i8.2956>

kecintaan telah diterima oleh pakar. Dapatan kajian yang diperoleh diyakini dapat membantu pengkaji terhadap kepentingan komponen kecintaan dalam pembinaan negara bangsa berteraskan pendidikan karakter melalui pendidikan sejarah di Malaysia.

### ABSTRACT

History education and character education are interconnected in an effort to form individuals who are passionate about patriotism and have noble morals. Historical education provides a context for understanding values such as courage, justice, and responsibility, while character education reinforces these values through daily appreciation and practice. This study aims to obtain experts' views, recommendations and consensus on the need for the component of love for the country in building a nation state based on character education through history education in Malaysia using the Fuzzy Delphi Method (FDM). The implementation of this study involved 13 experts in the field of history education. All experts are required to answer a research questionnaire regarding the component of love for the country. The information obtained is analyzed using Triangular Fuzzy Numbers and the ranking of each item or element of love for the country is obtained through the Defuzzification Process. Analysis of the Fuzzy Delphi method shows that the expert group's feedback on the main components of love for the country is at a good level, with a percentage of agreement ranging from 70% to 90%. The findings of the study found that all eight component love for the country items were accepted by experts. The findings of the study are believed to be able to help researchers on the importance of the component of love for the country in building a nation-state based on character education through history education in Malaysia.

**Sumbangan/Keaslian:** Kajian ini mengenal pasti kepentingan komponen kecintaan dari aspek pengetahuan, tindakan moral dan perasaan moral dalam pembinaan negara bangsa berteraskan pendidikan karakter melalui pendidikan sejarah. Komponen kecintaan dipersetujui melalui proses kesepakatan pakar menggunakan pendekatan Fuzy Delphi.

## 1. Pengenalan

Malaysia terkenal dengan masyarakat yang berbilang kaum semenjak abad ke-14 Masihi sehinggalah Tanah Melayu dijajah oleh Portugis, Belanda, Inggeris serta Jepun. Kepelbagaian kaum ini semakin bertambah semasa penjajahan Inggeris selepas kedatangan buruh-buruh dari negara Cina dan India untuk bekerja di tanah air kita. Kepelbagaian kaum telah melahirkan pelbagai pandangan berbeza yang boleh mengundang masalah terhadap keharmonian negara. Oleh itu, Malaysia berusaha menzahirkan konsep satu bahasa, satu identiti melalui pembentukan negara bangsa untuk memupuk integrasi antara kaum. Namun usaha melahirkan negara bangsa masih belum berjaya dicapai serta bukan mudah direalisasikan (Ibrahim Majdi & Maliati, 2020; Shapiza et al., 2023).

Pembinaan negara bangsa merupakan matlamat akhir dan utama setiap negara dan dianggap sebagai kemuncak kejayaan dan keagungan sesebuah negara. Namun usaha pembentukan negara bangsa masih perlu diteruskan walaupun usaha intensif pembentukan telah bermula selepas peristiwa hitam 13 Mei 1969 dan matlamatnya menjadi lebih jelas apabila bekas Perdana Menteri iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad menyuarakan kepentingannya semasa memperkenalkan Wawasan 2020 pada tahun 1991. [Mohd Rodzi \(2009\)](#), menjelaskan usaha pembinaan negara bangsa perlu melalui saluran paling utama iaitu pendidikan untuk memastikan kejayaan pembinaan negara bangsa di Malaysia. Hal ini kerana hanya melalui pendidikan sahaja perpaduan masyarakat dapat dibentuk dan akhirnya pembentukan negara bangsa dapat direalisasikan. Pendidikan sejarah di Malaysia amat signifikan dalam pembentukan jati diri masyarakat dan memupuk kecintaan terhadap negara. Sebagai sebuah negara yang kaya dengan sejarah dan warisan budaya, Malaysia menggunakan pendidikan sejarah untuk mengajar generasi muda tentang perjuangan kemerdekaan, pembentukan negara, dan kepelbagaian budaya yang menjadi asas perpaduan nasional. Dalam konteks ini, pendidikan karakter juga penting untuk memastikan murid bukan sahaja memahami sejarah malahan mengamalkan jati diri serta nilai murni yang terdapat dalam mata pelajaran Sejarah itu.

Tujuan utama artikel ini adalah untuk meneliti secara terperinci mengenai konsep negara bangsa, pendidikan karakter dan pada masa yang sama mengetengahkan pendekatan Fuzzy Delphi (FDM) yang memerlukan beberapa fasa. Namun artikel ini memfokuskan hanya satu fasa dalam penggunaan FDM sebagai kaedah dalam analisis dapatan kajian serta mengetahui persetujuan daripada pakar bidang sejarah untuk setiap item komponen kecintaan dalam pembentukan negara bangsa berteraskan pendidikan karakter dalam mata pelajaran Sejarah.

Sebagai rumusan, artikel ini membincangkan konsep negara bangsa, pendidikan karakter serta perbincangan mengenai komponen kecintaan dalam pembinaan negara bangsa berteraskan pendidikan karakter melalui pendidikan sejarah khususnya.

### **1.1. Permasalahan Kajian**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menetapkan aspek penting dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk mewujudkan murid yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek, dan sahsiah. KPM juga berhasrat pendidikan holistik perlu diberi keutamaan agar generasi yang lahir kemudian amat berkualiti serta boleh menghadapi cabaran serta perkembangan pada alaf terkini ([Zurqoni et al., 2018](#)). Pengajaran dan pembelajaran memainkan peranan penting bagi mencapai matlamat ke arah membina individu, masyarakat dan negara. Namun, kemenjadian kualiti seseorang individu bukan hanya dilihat pada akademik sahaja, bahkan dilihat dari aspek perwatakan mereka. Maka, penekanan kepada pembinaan karakter individu juga penting.

Perkembangan karakter kanak-kanak ialah tanggungjawab semua. Menurut [Munadlir \(2017\)](#), pendidikan karakter amat penting diberikan kepada murid dan sekolah perlu memberi penekanan kepada pendidikan tersebut. Hal ini bermakna perkembangan karakter murid yang baik memerlukan kerjasama pelbagai pihak iaitu individu, masyarakat dan warga sekolah. Dalam kajian [Arthur et al. \(2015\)](#), mengenai kesan pendidikan karakter pada jangka panjang mendapati bahawa murid yang dididik dengan

pendidikan karakter lebih berdaya maju, berupaya menghadapi cabaran dan rintangan yang mendatang serta mampu mencurahkan khidmat apabila diperlukan oleh negara.

Walaupun pelbagai usaha telah dilakukan untuk membina dan mengukuhkan bangsa Malaysia oleh kerajaan dan KPM masih terdapat pelbagai halangan berbentuk prejudis perkauman berlegar dalam perbahasan oleh pelbagai pihak khususnya dalam media sosial. Belakangan ini juga boleh dilihat betapa kurangnya penghayatan terhadap Rukun Negara apabila terdapat individu yang tidak menghormati Jalur Gemilang. Pernyataan-pernyataan berbaur perkauman yang sering dinyatakan secara terbuka boleh menggugat keselamatan negara. Keadaan ini menunjukkan keperluan bagi Malaysia membentuk pendidikan karakter dalam proses pembentukan negara bangsa. Dalam konteks Malaysia, elemen konsep pendidikan karakter hanya diterapkan pada tahap minimum dan tidak mendalam dalam pelbagai sukatan seperti subjek Sejarah, subjek Ekonomi, Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan, Pendidikan Moral dan Pendidikan Islam (Sitti Hasnah Bandu et al., 2017). Pendidikan karakter ini juga tidak disepadukan dengan subjek lain. Banyak kajian telah dilaksanakan oleh penyelidik luar dengan menerapkan pendidikan karakter di dalam pengajaran dan pembelajaran seperti di Indonesia (Fitriah, 2023; Salam, 2023; Widiastuti et al., 2022), tetapi kajian sebegini kurang dijalankan di Malaysia. Kebanyakan kajian di Malaysia hanya memberikan fokus pada kemahiran berfikir.

Sorotan dan penelitian terhadap kajian-kajian terkini juga mendapati bahawa kajian tentang pembinaan negara bangsa berteraskan pendidikan karakter dalam pendidikan sejarah masih belum mendapat perhatian sepenuhnya daripada para penyelidik. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kajian yang didapati hampir sama atau berkait secara langsung dan tidak langsung dengan aspek pembinaan negara bangsa. Sebagai contohnya, kajian Mohd Mahadee et al. (2019) memfokuskan tentang pembinaan negara bangsa Malaysia dalam kalangan remaja di Malaysia menerusi pendekatan pendidikan sivik. Kajiannya mendapati bahawa responden daripada etnik Melayu dan etnik Cina mempunyai tahap pendidikan sivik yang lebih tinggi dalam memahami kepentingan hidup dalam masyarakat multietnik ini seterusnya menyimpulkan bahawa pendidikan sivik merupakan antara elemen yang penting dalam konteks merealisasikan pembinaan negara bangsa Malaysia. Penulisan Ibrahim Majdi dan Maliati (2020), Nazri Muslim dan Otong Rosadi (2021) pula melihat cabaran dan peranan bahasa sangat penting dalam pembinaan negara bangsa di Malaysia. Walaupun terdapat kajian mengenai negara bangsa namun masih belum terdapat kajian yang benar-benar memfokuskan pada pembinaan negara bangsa berteraskan pendidikan karakter dalam mata pelajaran Sejarah. Kajian-kajian yang sedia ada hanya meneliti pembentukan negara bangsa melalui pendidikan secara umum dan tidak menyeluruh. Justeru, kajian ini amat baik dilaksanakan dan memberi implikasi ke atas perpaduan dan kemakmuran negara kelak.

## 1.2. Objektif Kajian

- i. Menenal pasti item dan elemen bagi komponen kecintaan dalam pembinaan negara bangsa berteraskan pendidikan karakter dalam mata pelajaran Sejarah yang mempunyai kesahan pakar.

### 1.3. Soalan Kajian

- i. Apakah item dan elemen bagi komponen kecintaan dalam pembinaan negara bangsa berteraskan pendidikan karakter dalam mata pelajaran Sejarah yang mempunyai kesahan pakar?

## 2. Sorotan Literatur

### 2.1. Konsep Negara Bangsa

Istilah “negara bangsa” menurut [Kamus Dewan \(2010\)](#), membawa maksud “negara berdaulat yang didiami oleh satu bangsa” (hlm. 1074). Melalui [Chambers’ Encyclopedia \(1973\)](#), negara bangsa sebagai *nation-building* bermaksud “a collective noun and may safely be agreed to connect a group of people possessed of certain distinctive characteristics, real or imagined, and united by certain special ties, sentimental, political or both. This group must be of substantial size....society united under one government in a political state” (hlm. 671). [Mohd Mahadee et al. \(2021\)](#), menjelaskan istilah negara bangsa ialah cantuman dua perkataan iaitu negara dan bangsa yang memerlukan lima elemen penting dalam pembinaan negara bangsa tersebut iaitu perlembagaan, kedaulatan, hal-ehwal berkaitan tanah, kerakyatan dan kesetiaan. Daripada tiga maksud negara bangsa yang diperoleh dapat kita jelaskan bahawa kewujudan negara bangsa berkait rapat dengan rakyat sedia ada yang hidup melalui pertalian bahasa, budaya, nilai serta sentimen tertentu yang dapat membentuk bangsa di sesebuah negara.

Konsep negara bangsa berbeza mengikut negara. Negara Eropah, menekankan hegemoni kaum dalam pembentukan negara bangsa. Negara kita pula ingin membentuk negara bangsa mengikut acuan sendiri kerana kepelbagaian kaum yang ada ([Ibrahim Majdi & Maliati, 2020](#)). Antara penulisan mengenai konsep negara bangsa di Malaysia melalui perspektif [Shamsul Amri \(2012\)](#), yang membahagikan konsep ini kepada tiga situasi, iaitu pertama satu etnik untuk satu negara, kedua etnik tanpa tanah air, dan ketiga negara tanpa etnik. Situasi ketiga, negara tanpa etnik, merujuk kepada Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum namun tetap mempertahankan jati diri masing-masing.

[Ibrahim Majdi dan Maliati \(2020\)](#), merumuskan ucapan Tun Dr. Mahathir pada tahun 1991 mengenai konsep negara bangsa amat penting diwujudkan oleh negara seperti Malaysia yang mempunyai rakyat berbilang kaum. Konsep negara bangsa dapat dibina jika ada perkongsian nilai serta semangat patriotisme tanpa ada sentimen negatif seperti perkauman, agama, bangsa dan agama. Ditambah rakyat negara ini perlu hidup aman, kekal bersatu demi keharmonian pada masa akan datang. Terdapat tiga inti pati penting dalam ucapan Tun Mahathir mengenai konsep negara bangsa iaitu rakyat negara ini perlu mengenal pasti diri mereka dengan negara ini; rakyat seharusnya menggunakan bahasa Melayu dalam pertuturan dan mendukung perlembagaan negara ([Peng, 2006](#)).

Konsep negara bangsa seterusnya berdasarkan penulisan [Mohd Mahadee et al. \(2021\)](#), iaitu keperluan untuk mempunyai perasaan kekitaan, berteraskan integrasi dan identiti setiap etnik dikekalkan, berteraskan etos nasional yang mengikat untuk mewujudkan sebuah negara bangsa yang ideal. Sebagai sebuah negara yang mempunyai pelbagai kaum, etos nasional perlu dijadikan suatu mekanisme bagi melahirkan keharmonian dan mewujudkan identiti mengikut acuan negara bangsa Malaysia. Beliau menekankan

kepentingan etos nasional sebagai wadah penting dalam pembentukan negara bangsa Malaysia yang boleh berubah mengikut peredaran masa serta perlu sentiasa dipupuk dalam kalangan generasi muda.

Seterusnya, penulis seperti [Nazri Muslim dan Otong Rosadi \(2021\)](#) berbeza pandangan mengenai konsep negara bangsa iaitu kedudukan dan peranan bahasa Melayu ialah elemen utama dan penting dalam memastikan pembentukan negara bangsa Malaysia ini mampu menjadi kenyataan. Penulis menyarankan agar masyarakat menerima serta mengamalkan gagasan negara bangsa jika rakyat bersatu padu walaupun berlainan budaya untuk mencapai hasrat negara bangsa yang kukuh.

## 2.2. Pendidikan Karakter

Pelbagai negara baik dari Eropah seperti Amerika Syarikat dan Finland mahupun negara Asia seperti negara Indonesia telah mula mengimplemen pendidikan karakter dalam pendidikan ([Muhammad Daoh et al., 2021](#)). Pelbagai definisi untuk perkataan karakter diperoleh melalui sorotan literatur. Pertama maksud karakter daripada [Kamus Dewan \(2010\)](#), memberikan dua pengertian untuk karakter iaitu sifat atau ciri-ciri perwatakan yang membezakan setiap individu dan maksud seterusnya ialah huruf, nombor, simbol atau tanda baca. Kedua, asal usul karakter (*charakter*) berasal daripada bahasa Yunani yang merujuk kepada tanda yang terkesan pada duit syiling ([Pala, 2011](#)). Ketiga, karakter merujuk pada perwatakan individu iaitu jika mempunyai karakter yang elok bermaksud individu tersebut mengetahui, menyukai dan melaksanakan perkara yang baik dalam kehidupan ([Ryan & Bohlin, 1999](#)).

Menurut [Munadlir \(2017\)](#), setiap individu mempunyai karakter yang membentuk keperibadian dan ditonjolkan melalui tingkah laku. Rentetan daripada itu, pendidikan karakter memerlukan kerja sama daripada pelbagai pihak seperti kerajaan, persatuan ibu bapa serta pertubuhan bukan kerajaan yang matlamat akhirnya agar murid-murid memiliki nilai karakter yang universal. Dalam penulisan [Lickona \(1992\)](#), pendidikan karakter penting dalam membentuk nilai-nilai moral dalam kalangan murid. Beliau berpendapat pengajaran langsung tentang nilai-nilai moral dan etika, bersama-sama dengan teladan dari guru dan persekitaran sekolah berupaya membantu murid memahami dan mengamalkan nilai-nilai moral dalam kehidupan seharian mereka.

Oleh itu, pendidikan karakter amat penting dilaksanakan bermula dari prasekolah kerana menurut [Pala \(2011\)](#), generasi muda berdepan dengan pengaruh negatif dari media massa. Oleh itu, pendidikan karakter akan lebih berkesan diterapkan pada generasi muda jika mendapat kerja sama daripada warga sekolah itu sendiri dan diterapkan dalam kurikulum dan budaya sekolah. Pendidikan karakter yang perlu ada ada dalam diri murid-murid ialah patriotisme, tanggungjawab, kewarganegaraan, baik hati, menghormati pihak berkuasa, menghormati kebebasan, harta peribadi, kejujuran, mempunyai kawalan diri; toleransi antara kaum, bertolak ansur dalam beragama dan bekerjasama.

## 2.3. Pendidikan Sejarah di Malaysia

Mata pelajaran Sejarah ialah mata pelajaran yang diajar di semua sekolah di Malaysia bersama-sama mata pelajaran lain seperti bahasa Melayu, Sains, Matematik dan bahasa Inggeris. Sejarah telah dijadikan mata pelajaran penting apabila pelajar wajib lulus untuk mata pelajaran ini selain bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran

Malaysia (SPM) bermula tahun 2013 (Siti Aisyah & Musirin, 2021). Sejarah amat penting diajar di peringkat sekolah agar generasi masa hadapan mempunyai semangat nasionalisme yang tinggi pada negara. Perkara yang merisaukan, mata pelajaran ini kurang diminati oleh murid-murid kerana mata pelajaran ini hanya memaparkan fakta-fakta masa lalu yang menjemukan untuk dipelajari (Nur Syazwani et al., 2019).

Hasrat pembinaan negara bangsa sememangnya relevan dilaksanakan terutamanya apabila Malaysia mempunyai rakyat berbilang kaum (Nazri Muslim, 2020). Oleh itu, pembentukan sebuah negara bangsa untuk Malaysia yang mempunyai masyarakat multi-etnik sangat signifikan bagi tujuan memupuk perpaduan dan integrasi nasional untuk menjamin keharmonian antara kaum (Mohd Mahadee et al., 2021). Oleh itu, pembentukan sebuah negara bangsa beridentitikan Malaysia amat diperlukan untuk menghindari sebarang bentuk masalah yang berkaitan hubungan antara etnik.

Kurikulum subjek Sejarah telah mengalami perubahan selaras dengan perkembangan terkini negara. Mengikut Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Sejarah, (Semakan 2017), perkara yang dipentingkan dalam kurikulum Sejarah sekolah rendah ialah menyepadupadukan aspek seperti pengetahuan serta kemahiran (Pemikiran Sejarah) dan nilai (Elemen Kewarganegaraan dan Nilai Sivik (EKNS)). Diharapkan perubahan kurikulum ini dapat melahirkan generasi muda yang sayang akan negara serta mempunyai semangat nasionalisme yang tinggi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021). Murid-murid belajar Sejarah mengikut kronologi seperti dinyatakan dalam kandungan KSSR Sejarah pada Tahun 4, murid belajar tajuk mengikut tema "Sejarah Awal Negara", Tahun 5 pula murid-murid akan mempelajari tajuk untuk tema "Kedaulatan Negara" dan pada Tahun 6, murid-murid akan mempelajari tajuk mengikut tema "Kemakmuran Negara Kita" (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021). Berdasarkan tema yang diajar kepada murid-murid kita dapat lihat bahawa kurikulum Sejarah sekolah rendah dapat memberikan impak dalam menerapkan identiti diri dan pembentukan negara bangsa.

### **3. Metod Kajian**

#### **3.1. Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini berbentuk kuantitatif yang menggunakan pendekatan Fuzzy Delphi (FDM) Pendekatan FDM bertujuan untuk mendapatkan persetujuan pakar terhadap keperluan komponen kecintaan dalam pembinaan negara bangsa berteraskan pendidikan karakter melalui pendidikan sejarah di Malaysia. Kaedah FDM digunakan dalam kajian ini kerana kemampuan teknik ini dalam memperoleh kesepakatan pakar dalam sesuatu permasalahan (Mohd Ridzuan et al., 2017). FDM juga berupaya mengatasi kekaburan dalam item ramalan dan bukan ramalan bahkan ciri-ciri profil peserta diterangkan dengan lebih terperinci (Chang et al., 2000). Penggunaan FDM dalam kajian ini juga penting memandangkan pengukuran dalam FDM lebih berkesan dan berupaya mengatasi masalah ketidakpastian bagi sesuatu isu yang dikaji (Zarina & Azizah, 2020).

#### **3.2. Instrumen Kajian**

Soal selidik telah dibangunkan sebagai instrumen untuk mengutip data kuantitatif komponen kecintaan dalam pembinaan negara bangsa berteraskan pendidikan karakter melalui pendidikan sejarah di Malaysia. Instrumen tujuh mata yang digunakan oleh

penyelidik ialah instrumen yang dibangunkan berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian lepas, analisis kandungan dan dapatan analisis keperluan berkenaan konsep negara bangsa, pendidikan karakter dan pendidikan sejarah.

Penggunaan soal selidik menjadi keutamaan dalam kajian ini sebagai syarat apabila menggunakan FDM yang perlu melalui proses kira-kira dalam matematik untuk mengetahui skor persetujuan pakar. Beberapa langkah telah diambil seperti mendapatkan kesahan bahasa daripada empat orang pakar bidang bahasa. Manakala untuk kesahan kandungan pula, pengkaji telah mendapatkan pandangan daripada 13 orang yang pakar dalam bidang pendidikan sejarah terhadap item-item yang diuji dalam soal selidik ini. Berdasarkan [Jadual 1](#), tujuh orang (53.8%) pakar yang dilantik, berpengalaman dan berpengetahuan mengenai subjek Sejarah, dua orang (38.5%) mahir serta pakar dalam pendidikan sejarah dan selebihnya ialah Guru Pakar Sejarah. Kesemua pakar juga telah berkhidmat lebih daripada 15 tahun dalam bidang sejarah yang menepati saranan [Cantrill et al. \(1996\)](#) iaitu panel yang dipilih perlu bertepatan dengan matlamat kajian serta bilangan panel pakar perlulah antara empat hingga 3000 orang.

Jadual 1: Demografi pakar

No	Pernyataan	Demografi	Peratus (%)
1.	Jantina	Lelaki	53.8
		Perempuan	46.2
2.	Universiti Awam dan IPG	Wilayah Utara	23.1
		Wilayah Tengah	30.8
		Wilayah Selatan	7.65
		Wilayah Timur	7.65
		Sabah	15.4
		Sarawak	15.4
3.	Kelayakan Akademik	Ijazah Doktor Falsafah	92.3
		Ijazah Sarjana	7.7
4.	Kepakaran	Pensyarah (pakar kandungan Sejarah)	53.8
		Pensyarah pakar Pendidikan Sejarah)	38.5
		Guru Pakar Sejarah	7.7
5.	Tempoh Perkhidmatan	20 tahun ke atas	53.8
		15-19 tahun	46.2

Seterusnya, instrumen soal selidik telah diedarkan kepada pakar yang dilantik. Pakar diminta memberikan komen atau pandangan mengenai item-item serta menyatakan tahap persetujuan secara likert iaitu Teramat Setuju, Sangat Setuju, Setuju, Sederhana Setuju, Tidak Setuju, Sangat Tidak Setuju dan Teramat Tidak Setuju. Data yang telah dikumpul dari skala Likert itu kemudiannya diubah menjadi data nombor Fuzzy yang kemudiannya dianalisis menggunakan perisian Microsoft Excel. Proses analisis tersebut dikenali sebagai kaedah Fuzzy Delphi (FDM). Item-item soal selidik akan ditambah baik hasil daripada pandangan serta komen pakar yang dilantik secara khusus.

### 3.3. Analisis Data

Data Likert yang diperoleh daripada pakar ditukar kepada bentuk *Triangular Fuzzy Number* melalui Microsot Excel ([Jadual 2](#)). Kajian ini menggunakan FDM, maka perlu

memenuhi tiga syarat utama iaitu (i) nilai *threshold* (d) tidak boleh melebihi 0.2 (Lee, 2002), (ii) peratus kesepakatan pakar harus mencapai sekurang-kurangnya 75% (Smith & Johnson, 1998), dan (iii) nilai *defuzzification* (*alpha cut*) bagi setiap item sekurang-kurangnya 0.5 (Wong, 2010).

Jadual 2: Jadual Tujuh Poin Skala Fuzzy dan Skala Likert

Aras Persetujuan	Skala Fuzzy	Skala Likert
Teramat Tidak Setuju	0.0, 0.0, 0.1	1
Sangat Tidak Setuju	0.0, 0.1, 0.3	2
Tidak Setuju	0.1, 0.3, 0.5	3
Sederhana Setuju	0.3, 0.5, 0.7	4
Setuju	0.5, 0.7, 0.9	5
Sangat Setuju	0.7, 0.9, 1.0	6
Teramat Setuju	0.9, 1.0, 1.0	7

Berdasarkan [Jadual 2](#) menunjukkan bahawa semakin tinggi nombor pada skala Fuzzy semakin tepat data yang diperolehi.

#### 4. Dapatan Kajian

Kajian mendapati terdapat tiga elemen komponen kecintaan dalam pembinaan negara bangsa berteraskan pendidikan karakter dalam mata pelajaran Sejarah. Pengkaji akan membincangkan dapatan bagi ketiga-tiga elemen komponen kecintaan berdasarkan kesepakatan pakar.

Berdasarkan [Jadual 3](#), [Jadual 4](#) dan [Jadual 5](#) kesemua item elemen dalam tiga komponen kecintaan iaitu kecintaan pengetahuan, kecintaan perasaan moral dan kecintaan tindakan moral bagi pembinaan negara bangsa berteraskan pendidikan karakter dalam mata pelajaran Sejarah telah mendapat persetujuan daripada semua pakar yang dilantik menggunakan peraturan dalam analisis FDM iaitu perlu mendapat nilai *threshold* konstruk (d konstruk)  $\leq 0.2$  manakala skor persetujuan pakar-pakar mestilah  $\geq 75\%$ .

Melalui [Jadual 3](#), [Jadual 4](#) dan [Jadual 5](#) juga menunjukkan turutan (*ranking*) untuk setiap komponen kecintaan berdasarkan kesepakatan pakar. Untuk komponen kecintaan pengetahuan turutan item ialah pertama "Pendidikan sejarah membolehkan murid mengetahui tentang budaya kepelbagaian bangsa", kedua "Melalui pendidikan sejarah, murid memperoleh pengetahuan mengenai lambang-lambang negara dan turutan ketiga "Dengan mempelajari sejarah, murid akan lebih menghargai hal-hal yang bangsa kita miliki". Seterusnya, untuk komponen kecintaan perasaan moral turutan item masih sama seperti yang ditunjukkan dalam [Jadual 4](#). Akhirnya, untuk komponen kecintaan tindakan moral, turutan item ialah pertama "Murid sentiasa berasa bangga dilahirkan sebagai anak Malaysia", kedua "Murid berminat menyertai aktiviti-aktiviti yang bersifat patriotisme" dan turutan item yang terakhir ialah "Murid sentiasa berbangga untuk berkomunikasi menggunakan bahasa kebangsaan dalam pelbagai situasi".

Jadual 3: Elemen Komponen Kecintaan Pengetahuan bagi Pembinaan Negara Bangsa Berteraskan Pendidikan Karakter dalam Mata Pelajaran Sejarah berdasarkan Analisis FDM dan Kesepakatan Panel Pakar

Bil	Item / Elemen	Syarat <i>Triangular Fuzzy Numbers</i>		Syarat <i>Defuzzification Process</i>			Kesepakatan Pakar	Elemen DITERIMA	Ranking	
		Nilai <i>Threshold, d</i>	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3				Skor <i>Fuzzy (A)</i>
1	Melalui pendidikan sejarah, murid memperoleh pengetahuan mengenai lambang - lambang negara.	0.125	100.0%	0.753	0.907	0.980	0.880	TERIMA	0.880	2
2	Pendidikan sejarah membolehkan murid mengetahui tentang budaya kepelbagaian bangsa.	0.138	93.3%	0.793	0.927	0.973	0.898	TERIMA	0.898	1
3	Dengan mempelajari sejarah, murid akan lebih menghargai hal-hal yang bangsa kita miliki.	0.182	86.7%	0.740	0.887	0.953	0.860	TERIMA	0.860	3

Jadual 4: Elemen Komponen Kecintaan Perasaan Moral bagi Pembinaan Negara Bangsa Berteraskan Pendidikan Karakter dalam Mata Pelajaran Sejarah berdasarkan Analisis FDM dan Kesepakatan Panel Pakar

Bil	Item / Elemen	Syarat <i>Triangular Fuzzy Numbers</i>		Syarat <i>Defuzzification Process</i>			Kesepakatan Pakar	Elemen DITERIMA	Ranking	
		Nilai <i>Threshold, d</i>	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3				Skor <i>Fuzzy (A)</i>
1	Pendidikan sejarah membolehkan murid mempunyai semangat patriotisme	0.073	100.0%	0.820	0.960	1.000	0.927	<b>TERIMA</b>	0.927	1
2	Kesan-kesan peninggalan sejarah menyedarkan murid untuk menghayati warisan sejarah negara kita	0.093	93.3%	0.807	0.947	0.993	0.916	<b>TERIMA</b>	0.916	2

Jadual 5: Elemen Komponen Kecintaan Tindakan Moral bagi Pembinaan Negara Bangsa Berteraskan Pendidikan Karakter dalam Mata Pelajaran Sejarah berdasarkan Analisis FDM dan Kesepakatan Panel Pakar

Bil	Item / Elemen	Syarat <i>Triangular Fuzzy Numbers</i>		Syarat <i>Defuzzification Process</i>				Kesepakatan Pakar	Elemen DITERIMA	Ranking
		Nilai <i>Threshold, d</i>	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	m1	m2	m3	Skor <i>Fuzzy (A)</i>			
1	Murid sentiasa berbangga untuk berkomunikasi menggunakan bahasa kebangsaan dalam pelbagai situasi	0.242	80.0%	0.647	0.807	0.913	0.789	TERIMA	0.789	3
2	Murid sentiasa berasa bangga dilahirkan sebagai anak Malaysia	0.185	93.3%	0.713	0.867	0.953	0.844	TERIMA	0.844	1
3	Murid berminat menyertai aktiviti-aktiviti yang bersifat patriotisme	0.184	93.3%	0.673	0.840	0.947	0.820	TERIMA	0.820	2

## 5. Perbincangan

Berdasarkan kesepakatan pakar terhadap komponen kecintaan pengetahuan menunjukkan pendidikan sejarah amat penting dalam membentuk kesedaran dan penghargaan murid terhadap kepelbagaian budaya dalam kalangan murid. Dengan mempelajari sejarah, murid dapat mengetahui latar belakang, tradisi, budaya setiap bangsa dan nilai-nilai yang dimiliki oleh pelbagai bangsa yang terdapat di Malaysia. Pengetahuan mengenai sejarah boleh membantu mengurangkan prasangka dan meningkatkan toleransi antara kaum (Mior Khairul Azrin, 2011). Dalam membentuk negara bangsa berteraskan pendidikan karakter dalam mata pelajaran Sejarah komponen kecintaan amat penting diterapkan sama ada dalam aspek pengetahuan, perasaan moral dan dalam tindakan moral.

### 5.1. Elemen Komponen Kecintaan Pengetahuan bagi Pembinaan Negara Bangsa Berteraskan Pendidikan Karakter dalam Mata Pelajaran Sejarah

Kecintaan terhadap negara merupakan aspek penting dalam pembentukan identiti dan jati diri rakyat. Mata pelajaran Sejarah berperanan dalam membentuk pemahaman dan perasaan cinta terhadap negara melalui pengajaran mengenai warisan, budaya, dan nilai-nilai patriotisme. Melalui Sejarah murid akan lebih memahami pelbagai budaya yang wujud dalam negara. Menurut Ahmad Ali (2009), pemahaman sejarah yang mendalam membantu murid menghargai keragaman etnik dan budaya dalam masyarakat Malaysia. Untuk memahami sejarah murid perlu mempunyai pengetahuan kerana pengetahuan mengenai sejarah boleh membantu mengurangkan prasangka dan meningkatkan toleransi antara kaum (Mior Khairul Azrin, 2011). Hal ini penting untuk membina perpaduan dan toleransi dalam kalangan pelbagai lapisan masyarakat. Dalam konteks Malaysia, mata pelajaran Sejarah tidak hanya menceritakan peristiwa-peristiwa pada masa lalu, tetapi juga perlu membantu murid memahami dan menghargai kepelbagaian etnik, budaya dan agama yang wujud di negara ini.

Melalui pengajaran Sejarah, murid memperoleh pengetahuan tentang lambang-lambang negara seperti tugu negara, bendera dan lagu kebangsaan. Mohd Nashahrudin dan Mohd Sobhi (2022), menyatakan bahawa pengetahuan ini penting untuk memperkukuh rasa bangga sebagai warganegara yang mampu membentuk pandangan dan tindakan mereka terhadap negara. Dengan mempelajari sejarah, murid akan lebih menghargai hal-hal yang dimiliki oleh bangsa kita. Pemahaman tentang warisan sejarah dapat membentuk identiti nasional yang kukuh dan meningkatkan rasa tanggungjawab untuk menjaga warisan tersebut. Oleh itu, elemen kecintaan dari aspek pengetahuan amat penting dalam pembinaan negara bangsa berteraskan pendidikan karakter terutama dalam mata pelajaran Sejarah.

### 5.2. Elemen Komponen Kecintaan Perasaan Moral bagi Pembinaan Negara Bangsa yang Berteraskan Pendidikan Karakter dalam Mata Pelajaran Sejarah

Pendidikan sejarah memberikan asas kepada murid untuk mempunyai semangat patriotisme. Menurut Aszlan dan Mohamad Iszuan (2016), pelajaran tentang perjuangan kemerdekaan negara dapat meningkatkan semangat cinta tanah air dalam kalangan

murid yang boleh mendorong mereka untuk menyumbang kepada masyarakat dan negara. Kesan peninggalan sejarah menyedarkan murid tentang pentingnya menghargai warisan yang ada. Oleh itu, pendidikan sejarah bukan sahaja meningkatkan rasa cinta terhadap negara, tetapi juga memupuk tanggungjawab untuk melindungi dan memelihara warisan tersebut.

Di samping itu, peninggalan sejarah seperti monumen, bangunan bersejarah, artifak, dan tradisi budaya memainkan peranan penting dalam menghubungkan murid dengan masa lalu dan menyedarkan mereka tentang warisan sejarah negara. Dalam konteks pembinaan negara bangsa yang berteraskan pendidikan karakter, peninggalan sejarah dapat digunakan untuk mengembangkan komponen kecintaan, perasaan moral dan nilai-nilai yang diperlukan untuk membentuk warganegara yang bertanggungjawab dan berintegriti. Aktiviti yang melibatkan lawatan ke tapak sejarah seperti Muzium Negara, Kota A Famosa, Tugu Negara serta pelbagai tempat bersejarah perlu direalisasikan oleh guru kerana aktiviti berkaitan berupaya memberi murid pengalaman langsung tentang warisan sejarah. Perasaan moral daripada aktiviti yang dijalankan dalam mata pelajaran Sejarah akan membentuk negara bangsa yang mempunyai jati diri dalam kalangan murid.

### **5.3. Elemen Komponen Kecintaan Tindakan Moral bagi Pembinaan Negara Bangsa yang Berteraskan Pendidikan Karakter dalam Mata Pelajaran Sejarah**

Murid perlu mempunyai perasaan bangga dilahirkan sebagai anak Malaysia. Perasaan kecintaan terhadap negara ini akan mendorong mereka untuk ditunjukkan melalui tindakan dalam aktiviti seharian. Dengan semangat yang dipupuk, murid akan berminat untuk menyertai aktiviti-aktiviti berunsur patriotisme seperti perarakan dan sambutan hari kemerdekaan. Penyertaan dalam aktiviti tersebut dapat menyemarakkan semangat kebangsaan dalam kalangan murid.

Perasaan kecintaan dari aspek tindakan moral amat penting dibentuk dalam diri murid kerana murid yang sayang akan negara tidak akan malu-malu untuk berkomunikasi dalam bahasa kebangsaan dalam pelbagai situasi. Bahasa Melayu wajib dikuasai dan menjadi medium perpaduan di negara Malaysia yang berbilang kaum. Selaras dengan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan, bahasa Melayu telah diiktiraf bukan sekadar sebagai bahasa kebangsaan malahan juga menjadi bahasa rasmi di negara ini (Ying et al., 2024). Perlakuan murid dari aspek tindakan seperti tidak malu untuk bertutur dalam bahasa Melayu dapat memupuk identiti kebangsaan yang lebih tinggi.

Berdasarkan huraian yang diberikan elemen kecintaan tindakan moral dalam pendidikan karakter melalui mata pelajaran Sejarah dapat membantu membina identiti kebangsaan yang kukuh. Hal ini kerana sikap dan hasrat haruslah diselaraskan bersama agar mencapai objektif yang diinginkan (Siti Aisyah & Musirin, 2021). Dengan menghayati peninggalan sejarah dan menyertai aktiviti patriotisme, murid bukan sahaja lebih menghargai warisan negara malahan bertindak melibatkan diri secara aktif demi membentuk identiti nasional yang melambangkan jati diri yang tinggi terhadap keamanan dan kemajuan negara Malaysia.

## **6. Kesimpulan**

Pendidikan karakter amat penting dalam pembentukan individu yang berakhlak dan beretika. Mata pelajaran Sejarah memainkan peranan besar dalam pembangunan

karakter dan kesedaran nasional. Pengajaran sejarah yang efektif menanamkan rasa bangga terhadap identiti nasional dan menggalakkan tindakan patriotik. Melalui pemahaman dan penghayatan sejarah, murid dapat memupuk kecintaan terhadap negara, menyumbang kepada pembinaan negara bangsa yang bersatu dan harmoni. Oleh itu, berdasarkan kajian ini melalui kesepakatan pakar, komponen kecintaan dengan elemen pengetahuan, perasaan moral dan tindakan moral melalui pendidikan sejarah sangat penting dalam membentuk negara bangsa yang berteraskan pendidikan karakter dalam subjek Sejarah.

### **Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)**

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Malaysia Sabah. Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

### **Penghargaan (*Acknowledgement*)**

Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia kerana membiayai melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) (FRGS/1/2021/WAB11/UMS/02/3). Selain itu, ucapan penghargaan juga diberi kepada pakar-pakar dalam bidang yang berkaitan kerana memberikan sepenuh kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

### **Kewangan (*Funding*)**

Kajian ini dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) (FRGS/1/2021/WAB11/UMS/02/3).

### **Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)**

Pengkaji tidak mempunyai konflik kepentingan ke atas mana-mana individu atau masyarakat dalam menghasilkan artikel ini.

### **Rujukan**

- Ahmad Ali Seman. (2009). Pemupukan patriotisme melalui pendidikan multikultural dalam pendidikan Sejarah di Malaysia. *Jurnal Ilmu-Ilmu Sejarah, Budaya Dan Sosial*, 1, 28–49.
- Arthur, J., Kristjansson, K., Cooke, S., Brown, E., & Carr, D. (2015). The good teacher: Understanding virtues in practice. *Jubilee Centre for Character and Virtues*, 13(10). <https://doi.org/10.4324/9780429196737-8>
- Aszlan Selamat, & Mohamad Iszuan Safarudin. (2016). Penilaian faktor-faktor kesenjangan etnik di Malaysia sebagai penghalang perpaduan nasional. *Jurnal Kinabalu*. <https://doi.org/10.51200/ejk.v19i0.504>
- Cantrill, J. A., Sibbald, B., & Buetow, S. (1996). The Delphi and nominal group techniques in health services research. *International Journal of Pharmacy Practice*, 4(2), 67–74.

- <https://doi.org/10.1111/j.2042-7174.1996.tb00844.x>
- Chambers, W. (1973). *Chambers's Encyclopaedia* (Issue v. 3). International Learning Systems Corporation.
- Chang, P. T., Huang, L. C., & Lin, H. J. (2000). The fuzzy Delphi method via fuzzy statistics and membership function fitting and an application to the human resources. *Fuzzy Sets and Systems*, 112(3), 511–520. [https://doi.org/10.1016/S0165-0114\(98\)00067-0](https://doi.org/10.1016/S0165-0114(98)00067-0)
- Fitrianah, R. D. (2023). Nilai-nilai pendidikan karakter dalam tradisi tabot pada mata pelajaran Sejarah Kebudayaan Islam (SKI) di Madrasah Aliyah Negeri. *Indonesian Journal of Character Education Research*, 1(2), 80–90.
- Ibrahim Majdi Mohamad Kamil, & Maliati Mohamad. (2020). Cabaran pemeraksanaan Bahasa Melayu dalam usaha mencapai negara bangsa di Malaysia. *Asian People Journal*, 3(2), 181–191.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2010). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah: Sejarah - Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun 6 (Semakan 2017)* (pp. 1–76). Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Lee, J. H. (2002). Threshold values in fuzzy decision-making models. *Journal of Fuzzy Systems*, 12(3), 245–260.
- Lickona, T. (1992). *Educating for character: How our schools can teach respect and responsibility*. Bantam Books.
- Mior Khairul Azrin Mior Jamaluddin. (2011). Sistem pendidikan di Malaysia: Dasar, cabaran, dan pelaksanaan ke arah perpaduan nasional. *Sosiohumanika*, 4(1), 33–48.
- Mohd Mahadee Ismail, Nor Azlili Hassan, Azlina Abdullah, Zaini Othman, Marzudi Md Yunus, & Hairol Anuar Mak Din. (2021). Pembentukan etos nasional belia Malaysia: Wadah pembinaan negara-bangsa. *Akademika*, 91(1), 3–14. <https://doi.org/10.17576/akad-2021-9101-01>
- Mohd Nashahrudin Mat Daud, & Mohd Sobhi Ishak. (2022). Penerapan nilai patriotisme di Malaysia: Satu tinjauan Literatur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(10). <https://doi.org/https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i10.1729>
- Mohd Ridzuan Mohd Jamil, Saedah Siraj, Zaharah Hussin, Nurulrabihah Mat Noh, & Ahmad Ariffin Sapar. (2017). *Pengenalan asas kaedah Fuzzy Delphi dalam Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan*. Minda Intelek Agency.
- Mohd Rodzi Abd Razak. (2009). Pembinaan negara bangsa Malaysia: Peranan pendidikan Sejarah dan Dasar Pendidikan Kebangsaan. *JEBAT*, 36, 90–106.
- Muhammad Daoh, Norazly Nordin, & Uzzairah Nabilah Ahmad Tazli. (2021). Pendidikan karakter dalam pendidikan awal kanak-kanak: Satu sorotan. *Selangor Humaniora Review*, 4(1), 188–199.
- Munadlir, A. (2017). Pengembangan pendidikan karakter di sekolah. *Jurnal Pendidikan Dasar*, 4(7), 111–117.
- Nazri Muslim. (2020). Strategi pembinaan negara bangsa Malaysia. *Buletin Citra*, 12–26.
- Nazri Muslim, & Otong Rosadi. (2021). Peranan bahasa dalam pembinaan negara bangsa di Malaysia dan Indonesia. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 9(2), 79–89. <https://doi.org/10.17576/jatma-2021-0902-08>
- Nur Syazwani Abdul Talib, Kamarulzaman Abdul Ghani, Nur Azuki Yusoff, & Mohd Mahzan Awang. (2019). Kaedah pembelajaran Sejarah dengan mengambil kira minat dan peningkatan prestasi. *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 2(1984), 45–57.

- Pala, A. (2011). The need for character education. *International Journal of Social Sciences and Humanity Studies*, 3(2), 23–32.
- Peng, C. F. (2006). Pembentukan negara bangsa melalui pendidikan sastera. *Jurnal Pengajian Melayu*, 17, 1–33.
- Ryan, K., & Bohlin, K. E. (1999). *Building character in schools: Bringing moral instruction to life*. San Francisco-Josey-Bass.
- Salam, A. (2023). Pengembangan model pendidikan karakter bangsa berparadigma Islami di Sekolah Menengah Atas Muhammadiyah Bangkinang. *Journal on Education*, 5(2), 1587–1602. <https://doi.org/10.31004/joe.v5i2.794>
- Shamsul Amri Baharuddin. (2012). *Modul hubungan etnik* (Ed. Kedua). Institut Kajian Etnik, UKM.
- Shapiza Sharif, Nirwana Mohd Rashid, Zanariah Hamid, & Siti Aidah Lukin@Lokin. (2023). The formation of a nation state through History Education in Malaysia: A literature review. *Proceedings of TheIIER International Conference, Kuala Lumpur, Malaysia, 19th - 20th January 2023*, 19–20.
- Siti Aisyah Mat Saad, & Musirin Mosin. (2021). Kesepaduan sosial dalam pengajaran mata pelajaran Sejarah: Kesiediaan guru dan sokongan sekolah. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4(1), 72–79. <http://www.bitarajournal.com>
- Sitti Hasnah Bandu, Mohd Mahzan Awang, & Abdul Razak Ahmad. (2017). Element of citizenship in education system in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(3). <https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v7-i3/2852>
- Smith, A., & Johnson, P. (1998). Expert consensus in decision-making processes. *Decision Sciences*, 29(4), 673-690.
- Widiastuti, A., Dewi, A. D., & Furnamasari, Y. F. (2022). Implementasi pendidikan karakter kewarganegaraan sebagai pendidikan karakter bangsa di era globalisasi. *Jurnal Edumaspul*, 6(1), 1079–1082. <https://ummaspul.e-journal.id/maspuljr/article/view/2300>
- Wong, T. K. (2010). Defuzzification techniques in fuzzy logic systems. *International Journal of Computational Intelligence*, 7(2), 123-130.
- Ying, L. J., Ting, K. Y., & Nur Farhanis Fathiah Anuaruddin. (2024). Persepsi guru terhadap pengaruh bahasa ibunda semasa pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid di sekolah jenis kebangsaan Cina. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 14(1), 1–18.
- Zarina Eshak, & Azizah Zain. (2020). Kaedah Fuzzy Delphi: Reka bentuk pembangunan modul seksualiti perkasa berasaskan latihan mempertahankan diri untuk prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 9(2), 12–22. <https://ejournal.upsi.edu.my/journal/JPAK>
- Zurqoni, Retnawati, H., Arlinwibowo, J., & Apino, E. (2018). Strategy and implementation of character education in senior high schools and vocational high schools. *Journal of Social Studies Education Research*, 9(3), 370–397. <https://doi.org/10.17499/jsser.01008>